

**Generasi Muda Diminta Hargai Artifak Sejarah Negara  
Bernama  
23 Ogos, 2011  
Oleh Fadzli Ramli**

KUALA LUMPUR, 23 Ogos (Bernama) -- Generasi muda kini perlu menghargai artifak tinggalan generasi terdahulu yang menggambarkan 'perjalanan hidup' negara terutamanya yang melibatkan kemerdekaan negara.

Ketua Pengarah Jabatan Muzium Datuk Ibrahim Ismail berkata dengan menghargai artifak berkenaan, generasi muda dapat mengetahui serta memahami usaha dan pengorbanan generasi terdahulu untuk memerdekakan negara.

"Sekiranya generasi muda faham ini semua, semangat cintakan negara dapat disemai kukuh," katanya kepada Bernama di sini.

Tugu Negara, katanya, walaupun bukan artifak yang diletakkan dalam muzium, ia adalah antara bahan tinggalan terpenting untuk mengingati dan menghargai jasa perwira terdahulu.

Katanya Tugu Negara diadakan untuk menghargai jasa pejuang negara yang sanggup berkorban nyawa untuk mempertahankan negara dan adalah wajar bagi generasi muda menghargai serta memahami mengapa mereka ini melakukan pengorbanan sedemikian.

Pejuang ini berkorban supaya anak cucu mereka iaitu generasi muda sekarang dapat menikmati kebebasan dalam negara yang merdeka, generasi muda mesti faham maksud Tugu Negara itu," katanya.

Ibrahim berkata Jabatan Muzium menyimpan banyak koleksi barangan yang menggambarkan sejarah negara antaranya replika sebuah meja yang digunakan untuk menandatangani perjanjian kemerdekaan negara.

"Melalui muzium kita memang anjurkan banyak pameran menggunakan artifak ini selain adakan segmen khas di muzium. Selain artifak kita juga menggunakan gambar dan artikel menerangkan dengan mendalam subjek ini," katanya.

Ibrahim berkata antara pameran itu ialah "Pameran Kemerdekaan: Sebelum dan Selepas" dirancang di Muzium Negara antara 16 Sept dan 16 Okt ini dan "Pameran Wira Tak Dicanang" di Muzium Matang, Perak, dari 9 Ogos dan berakhir 30 Nov ini.

"Kemerdekaan dicapai bukan sahaja daripada mereka yang berunding tetapi mereka yang bekerja di belakang tabir seperti wartawan serta penulis yang membakar semangat rakyat untuk merdeka," katanya.

Amirul Danial Hakim, 21, seorang pelajar kolej swasta, berkata tugas fotografi yang pernah dilakukannya tahun lepas mengenai Tugu Negara membuatkan beliau faham usaha dan pengorbanan generasi terdahulu.

"Tugas saya masa itu perlukan saya ambil banyak sudut Tugu Negara, bila ambil banyak gambar lama-lama rasa saya tengok gambar itu bila teringat cerita pengorbanan askar kita dulu," katanya.

Beliau berkata sejak sambutan Hari Pahlawan dipindahkan ke Putrajaya tahun lepas, Tugu Negara kelihatan 'sunyi' dan beliau berharap lebih banyak aktiviti dapat diadakan di Tugu Negara terutamanya aktiviti melibatkan generasi muda.

Marian Cartwright, 48, pelancong Amerika Syarikat yang bercuti bersama suaminya Stan, 57, dan dua anak mereka, berkata rakyat Malaysia sepatutnya berbangga dengan peninggalan artifak yang diwarisi.

"Jika mereka ini tidak faham apa yang mereka warisi, itu sangat mengecewakan. Daripada apa yang saya lihat, Malaysia mempunyai banyak artifak mengenai sejarah negara ini, maka rakyat Malaysia harus menghargainya," katanya.

Cartwright berkata pihak berkuasa perlu membanyakkan aktiviti untuk mendekati generasi muda kepada artifak itu seperti menganjurkan program 'Night In A Museum' yang popular di negaranya.

-- BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsgeneral.php?id=609738>